



## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

### PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh: /5 November 2005 Bilangan: 03/2005 Rujukan: UMS/PN 2.1/P5/2 Jld. III

#### PANDUAN PEMBERIAN ELAUN PERUMAHAN WILAYAH BAGI PEGAWAI YANG BERTUKAR WILAYAH

##### 1.0 Tujuan

Panduan ini dinamakan Panduan Pemberian Elaun Perumahan Wilayah Bagi Pegawai Yang Bertukar Wilayah bagi menjelaskan pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2001 mengenai pemberian Elaun Perumahan Wilayah.

##### 2.0 Takrif Pegawai Yang Bertukar Wilayah

Bagi maksud panduan ini:

- 2.1 **"pegawai bertukar wilayah"** bermaksud pegawai yang **berasal** dari Semenanjung atau Sarawak yang dilantik dan/atau ditempatkan berkhidmat di Sabah termasuk di Wilayah Persekutuan Labuan;
- 2.2 **"berasal"** bermaksud:
  - a. pegawai dan ibu bapa yang dilahirkan di Semenanjung atau Sarawak yang sama dianggap berasal dari Wilayah berkenaan;
  - b. pegawai yang ibu bapanya dilahirkan di Semenanjung atau Sarawak yang sama dianggap berasal dari Wilayah atau tempat lahir ibu bapanya;
  - c. pegawai yang ibu bapanya dilahirkan di Semenanjung atau Sarawak yang berbeza boleh memilih untuk menentukan Wilayah asalnya berdasarkan tempat lahir ibu atau bapanya; dan
  - d. atau kes-kes lain yang ditentukan oleh JPA.

##### 3.0 Kelayakan

Pegawai-pegawai yang layak menerima Elaun Perumahan Wilayah (EPW) adalah:

- 3.1 pegawai-pegawai yang dinyatakan pada pada 2.1 di atas, dan
- 3.2 mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan pada para 2.2.

#### **4.0 Peraturan**

EPW dibayar kepada pegawai mulai dari tarikh pegawai melaporkan diri di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan tertakluk kepada peraturan seperti berikut:

- 4.1 pegawai yang dibayar EPW **tidak layak** Imbuhan Tetap Perumahan (ITP);
- 4.2 pegawai yang **tidak menduduki** rumah kerajaan boleh memilih sama ada menerima EPW atau ITP;
- 4.3 pegawai yang **menduduki** rumah kerajaan tidak layak EPW dan tidak layak ITP (rumah diperuntukkan kepada pegawai secara perseorangan atau secara berkongsi);
- 4.4 pegawai yang **menduduki** rumah kerajaan yang diperuntukkan kepada suami atau isteri, tidak layak EPW tetapi layak ITP;
- 4.5 pegawai suami dan isteri yang bertukar Wilayah dan **tidak menduduki** rumah kerajaan, boleh dibayar ITP masing-masing. Walau bagaimanapun, salah seorang antara mereka boleh memilih EPW;
- 4.6 pegawai yang telah membeli rumah dalam stesen pegawai berkhidmat dengan menggunakan kemudahan pinjaman perumahan kerajaan **tidak layak** EPW;
- 4.7 pegawai yang bercuti tanpa gaji **tidak layak** EPW dan ITP;
- 4.8 pegawai berkursus melebihi 3 bulan **tidak layak** EPW; dan
- 4.9 pegawai yang bertukar Wilayah yang dibenarkan menduduki hotel melebihi tempoh yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan semasa pertukaran, akan kehilangan secara *proportionate* EPW bagi tempoh tambahan yang beliau tinggal di hotel.

#### **5.0 Kadar EPW**

Kadar EPW yang boleh dibayar kepada pegawai adalah seperti berikut:

<b>Kumpulan/Kategori</b>	<b>Kota Kinabalu</b>	<b>W.P. Labuan</b>
<b>Pengurusan Tertinggi</b>		
1. Turus	RM2,500.00	RM2,500.00
2. JUSA A Gred Khas A	RM2,000.00	RM2,000.00
3. JUSA B Gred Khas B	RM1,600.00	RM1,600.00
4. JUSA C Gred Khas C	RM1,500.00	RM1,500.00
<b>Pengurusan dan Profesional</b>		
1. Gred 53-54	RM1,300.00	RM1,300.00
2. Gred 45-52	RM1,130.00	RM1,130.00
3. Gred 41-44	RM 930.00	RM 930.00

Kumpulan/Kategori	Kota Kinabalu	W.P. Labuan
<b>Sokongan</b> 1. Sokongan I (Gred 27-40) 2. Sokongan II (Gred 1-26)	RM830.00 RM730.00	RM830.00 RM730.00

## 6.0 Pelaksanaan

### 6.1 Tanggungjawab pegawai:

- a. pegawai yang berkelayakan dikehendaki mengisi Borang PN2.1 (EPW) dan mengemukakan semua dokumen seperti yang dinyatakan di dalam borang.
- b. Borang tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan untuk pengesahan.

### 6.2 Kelulusan

- a. Borang yang telah lengkap hendaklah dikemukakan ke Pejabat Pendaftar untuk pertimbangan.
- b. Pejabat Pendaftar (Bahagian Perkhidmatan & Rekod) setelah mengeluarkan kelulusan hendaklah merekod penerimaan EPW dalam Buku Rekod Perkhidmatan Kakitangan.

**HELA LADIN MOHD. DAHALAN**  
 Pendaftar  
 Universiti Malaysia Sabah